

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 AUGUST 2016

## Bekas pemimpin UMNO bersikap musang berbulu ayam diselar *UM- 27/8/2016*

**KULIM 26 Ogos** - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini menyelar tindakan beberapa bekas pemimpin serta ahli UMNO yang sanggup mengkhianati parti dengan menyifatkan mereka sebagai musang berbulu ayam.

Tegas beliau, golongan tersebut selama ini tidur dan gemuk dalam rumah UMNO namun akhirnya menderhaka serta menangguk di air keruh sehingga sanggup kembali berusaha menumbangkan parti.

“Ekoran tindakan mereka ini, kita menjadi keliru, kecewa dan marah kerana ada dalam kalangan mereka merupakan pemimpin yang dihormati. Namun begitu, perlu diingatkan, ini bukan kali pertama UMNO berdepan dengan keadaan seperti ini malah situasinya tidaklah teruk seperti ketika Tengku Razaleigh Hamzah menubuhkan Semangat 46 atau sewaktu Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat.

“Setiap kali berdepan ujian, UMNO bukan semakin lemah sebaliknya bangkit lebih gagah. Sebabnya apa? Kerana kita ini bertindak bukan kerana individu atau kerana Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak sebaliknya kerana parti dan perjuangan yang kita dukung,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilkan UMNO Bahagian Padang Serai di Kulim Golf & Country Resort di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua UMNO Bahagian itu, Asmadi Abu Talib serta beberapa lagi rakan sejawatannya iaitu Ketua UMNO Bahagian Sik, Datuk Tajuddin Abdullah dan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, Datuk Abdul Rahim Saad.

Sementara itu Hishammuddin turut menampelak Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai cagak tidak serupa bikin berhubung isu yang dibangkitkannya mengenai bangsa Johor se-

hingga mengundang kemurkaan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

“Dahulu Dr. Mahathir minta kita mempertahankan pemimpin parti macam nak ‘rak’ apabila berdepan institusi raja. Hari ini beliau minta maaf, cuba mendekati raja tetapi kemudiannya menyerang Sultan Johor.

“Maka kita bertanya, apa sebenarnya hala tuju parti baharu? Disebabkan itu akar umbi UMNO perlu memahami landskap politik hari ini dan jangan terikut-ikut emosi serta fitnah yang dilempar pelbagai pihak terutamanya di media-media sosial,” ujarnya yang turut berjanji untuk menjawab segala tuduhan Dr. Mahathir esok, di Johor.

Beliau seterusnya mengingatkan ahli parti betapa sejarah membuktikan, pertukaran pemimpin yang didorong emosi dan fitnah hanya mengundang keruntuhan sesebuah negara.